

18 JUN 1999

Umno-Usul (Rahim)

ANGGOTA PERWAKILAN MINTA PERBICARAAN RAHIM NOOR DIPERCEPATKAN

KUALA LUMPUR, 18 Jun (Bernama) -- Seorang anggota perwakilan ke Perhimpunan Agung Umno hari ini meminta perbicaraan bekas Ketua Polis Negara Tan Sri Abdul Rahim Noor, yang dituduh mencederakan Datuk Seri Anwar Ibrahim, diselesaikan sebelum pilihan raya umum akan datang.

Wakil Umno Wilayah Persekutuan Ridzuan Abdul Hamid berkata ini penting kerana pihak pembangkang khususnya Parti Keadilan Nasional (Keadilan) kini menggunakan isu itu untuk meraih simpati rakyat.

"Gambar mata lebam Anwar kini ditampalkan di merata-rata tempat bagi meraih simpati rakyat terutama dalam menghadapi pilihan raya," katanya ketika membahaskan usul ucapan dasar Presiden parti Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang merasmikan perhimpunan itu.

Mahkamah Tinggi di sini telah menetapkan 20 Sept depan untuk memulakan perbicaraan kes itu.

Ridzuan turut mengingatkan kepimpinan dan anggota parti bahawa Umno dan Barisan Nasional (BN) tidak akan menghadapi laluan mudah dalam pilihan raya akan datang.

"Kalau dulu, letak kopiah sebagai calonpun BN boleh menang, tetapi keadaan kita tidak lagi macam dulu," katanya.

Sehubunga itu, Ridzuan meminta semua anggota Umno terutamanya Pemuda dan Wanita supaya menyalakan obor perjuangan untuk memantapkan parti bagi menentukan kuasa yang sedia ada dipertahankan demi agama, bangsa dan negara.

Beliau berkata cuma Umno yang dapat mempertahankan hak orang Melayu kerana PAS kini bersekongkol dengan DAP manakala parti Keadilan pula tidak mempunyai asas perjuangan Melayu berikutan keanggotaannya terdiri daripada semua kaum.

Wakil Perlis, Azihani Ali pula berkata Umno Perlis berjanji untuk menawan semula kerusi Parlimen Arau daripada PAS dalam pilihan raya umum akan datang.

Kekalahan Umno kepada PAS pada pilihan raya kecil itu amat menyedihkan dan menjadi igauan Umno Perlis yang kini bangun semula dan bersedia menawan semula kawasan itu "walaupun darah dijadikan pertaruhan", katanya.

Azihani juga membidas PAS kerana sanggup berkawan dengan syaitan untuk mencapai cita-cita politik pemimpin parti pembangkang itu.

"Tak logik ... mana ada syaitan yang sanggup menolong parti yang mahu mengembangkan Islam," katanya disambut dengan tepukan gemuruh.

Beliau juga kesal dengan tindakan Presiden Keadilan, Datin Seri Dr Wan Azizah Ismail, yang juga isteri Anwar, yang sanggup ke luar negara beberapa kali untuk memburukkan negara.

"Dia jumpa Presiden Filipina Joseph Estrada secara sulit-sulit, tentu ada cerita," katanya disambut gelak ketawa para perwakilan.

Beliau turut membidas penyokong Anwar yang sanggup menubuhkan sebuah parti politik semata-mata kerana mahu membebaskan Anwar yang kini dipenjarakan kerana kesalahan rasuah menyalahgunakan kuasa.

"Hero ke dalam penjara, depa (mereka) di luar menjadi cacing kepanasan... mereka tubuh parti sampai huruf besar dan kecil bercampur-aduk menjadi KeADILan ... sekolah mana dia belajar cuba beritahu kita," katanya.

Azihani berkata parti Keadilan bukan berasaskan perjuangan untuk agama, bangsa dan negara tetapi sebaliknya hanya mahu melepaskan Anwar dari penjara.

Wakil Terengganu Datuk Ibrahim Awang pula menyelar sikap pemimpin parti

pembangkok yang hanya tahu menghentam kerajaan tetapi tidak mahu menerima hakikat bahawa kesenangan yang mereka perolehi sekarang adalah hasil usaha kerajaan BN.

"Pembangkok harus sedar bahawa keharmonian dan kesenangan hidup yang mereka kecapai sekarang adalah hasil usaha pembangunan yang dijalankan oleh kerajaan BN sejak sekian lama," katanya.

Beliau juga menyelar pemimpin PAS yang menurutnya mendakwa sebagai sebuah parti Islam tetapi tidak Islam daripada segi pendekatan dan perbuatan sehingga sanggup menimbulkan perpecahan sesama Islam dengan melabel anggota Umno sebagai kafir.

Beliau berkata PAS sanggup melakukan apa sahaja demi mencapai cita-cita politik mereka tanpa mengira kehendak agama dan menambah bahawa parti itulah yang selama ini mengamalkan teori politik suku, agama suku dan bukannya Umno.

Wakil dari Terengganu itu turut memainkan pita rakaman syair oleh seorang penyair buta J.M. Aziz yang menyanjung kepimpinan Dr Mahathir.

Syair itu antara lain menyifatkan Perdana Menteri sebagai "sebutir bintang di langit Malaysia, cahayanya menyinar di seluruh dunia."

Pita rakaman itu kemudiannya diserahkan kepada Dr Mahathir.

-- BERNAMA

AKT ARA NAK